

06 JAN 2003

GHANI-SAHAM

JOHOR YAKIN RANCANGAN KERAJAAN PUSAT PULIHKAN SAHAM

JOHOR BAHRU, 6 Jan (Bernama) -- Kerajaan Johor menaruh keyakinan nilai saham dalam Amanah Saham Johor (ASJ) dan Dana Johor (DJ) akan dapat dipulihkan dalam tempoh beberapa bulan lagi melalui rancangan kerajaan pusat bagi menyelamatkan amanah saham negeri-negeri yang terjejas teruk akibat kegawatan ekonomi.

Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman hari ini berkata apabila proses menyelamatkan amanah saham negeri-negeri yang dijalankan oleh kerajaan pusat itu selesai, nilai saham ASJ dan DJ boleh dikembalikan ke tahap RM1.00 sesaham atau sekurang-kurangnya jauh lebih baik dari harga semasa 19 sen bagi ASJ dan 14 sen bagi DJ.

"Sebaik rancangan itu selesai, para pelabur akan diberi pilihan untuk menjual sebahagian sahamnya secara berperingkat-peringkat pada paras harga yang lebih baik dari harga sekarang," katanya kepada pemberita selepas menghadiri program Bersama Yang Berhormat di Radio Televisyen Malaysia Johor di sini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan akhbar mengenai penubuhan jentera khusus (SPV) bagi menyelamatkan amanah saham negeri-negeri yang memerlukan suntikan modal sekurang-kurangnya RM2 bilion.

Mengulas perkara yang sama, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata di Kuala Lumpur hari ini bahawa kerajaan akan mengkaji dan akan "mengatur sesuatu" untuk mengurangkan kerugian mereka (kerajaan-kerajaan negeri) yang terpaksa ditanggung. "Tidak ada bailout. Kita tidak boleh "bailout" kerana jumlahnya adalah amat besar," kata Dr Mahathir kepada pemberita.

Abdul Ghani, bagaimanapun, menegaskan pelabur tidak boleh menjual keseluruhan amanah sahamnya secara serentak, tetapi mungkin boleh dilaksanakan secara berperingkat-peringkat misalnya 10 peratus bagi tahun pertama dan diikuti 30 peratus dan seterusnya.

Katanya, dengan kaedah itu pelabur bukan sahaja dapat modal daripada jualan pelaburan mereka malah nilai ASJ dan DJ di pasaran juga akan dapat dipertingkatkan ke tahap yang lebih baik.

Menurutnya, pelabur yang tidak ingin menjual amanah saham itu boleh menikmati dividen dari pelaburan yang sudah tentu adalah lebih baik dari sebelum ini.

ASJ dilancarkan pada Mei 1992 dengan harga tawaran bernilai RM1 sesaham manakala DJ dilancarkan pada Februari 1995 dengan harga RM1 sesaham.

Ketika ditanya mengenai jumlah suntikan modal yang diperlukan bagi memulihkan ASJ dan DJ itu, katanya, ia akan membabitkan nilai beratus-ratus juta ringgit.

"Apa yang perlu difahami oleh pelabur ialah saham-saham negeri tertakluk kepada prestasi indeks komposit Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL). Dari segi "fundamentalnya", saham amanah negeri adalah kukuh, tetapi kejatuhannya kini memberi kesan kepada keyakinan pada pihak-pihak tertentu," kata beliau.-- BERNAMA

BH MNY OS